

01 MAY 2003

Mahathir-CPTM/I

DR MAHATHIR HADIR MESYUARAT CPTM

Daripada: Wan A Hulaimi

LONDON, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri mesyuarat Perkongsian Komanwel bagi pengurusan Teknologi (CPTM) di sini bagi memenuhi aspirasi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) untuk mewujudkan tabung pembiayaan pengurusan yang dikenali sebagai Tabung Pembiayaan CPTM.

Walaupun entiti baru itu tidak akan dilancarkan secara rasmi sehingga persidangan perkongsian pintar Global 2003 di Swaziland Ogos ini, CPTM mengambil masa hampir dua jam untuk membincangkan projek itu dengan Dr Mahathir selaku penaung Global 2002 Langkawi, menjadi pemudahcara.

Tabung pembiayaan yang akan mempromosikan projek-projek perkongsian teknologi di kalangan negara anggota Komanwel, berharap dapat mengumpul 11 juta pound sterling di peringkat awal, dan 11,000 pound lagi setiap bulan untuk meneruskan perjalanannya.

Dr Mahathir berkata berdasarkan situasi pelaburan semasa, mereka masih belum dapat memenuhi sasaran dengan hanya berjaya mengumpul kira-kira 8 juta pound setakat ini.

Angka itu meningkat hari ini menerusi dua sumbangan, masing-masing 100,000 pound dari Swaziland dan Uganda.

Dr Mahathir berkata beliau berharap tabung itu akan berjaya memenuhi sasarannya bagi menjayakan idea-idea menerusi perkongsian pintar itu.

Mesyuarat itu turut dihadiri Maharaja Mawati III dari Swaziland; Ketua eksekutif CPTM Datuk Dr Mihaela Smith, Sir Ketumile Masire dari Botswana; Lady Balfour of Burleigh, United Kingdom (UK), Tan Sri Datuk Dr Omar A Rahman (Malaysia), pengarah bergilir CPTM Manou Bheenick (Mauritius), George Blower (UK) Dr Sam Kuteesa (Uganda), pengerusi bersama Global 2003 Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali (Malaysia), Datuk Awang Adek Hussein (Malaysia) dan Dr Iftikhar Ahmed (UK).

Mesyuarat itu yang disambung esok, disokong oleh anggota CPTM pada Dialog Munyonyo pada Ogos 2001 serta Sesi Kerja khas di London pada Februari tahun lepas, yang turut dihadiri oleh Dr Mahathir.

Tahun ini, kumpulan pemikir CPTM membincangkan isu-isu global, rangkaian semasa rakan perkongsian pintar serta bergerak ke hadapan dalam persediaan untuk mesyuarat Global 2003.

CPTM dibentuk pada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Auckland, New Zealand, pada Oktober 1995.

Ahlinya berkhidmat dalam kapasiti peribadi dan secara sukarela dan memberi nasihat mengenai strategi pembangunan pintar serta cara mengetengahkan idea hasil Dialog.

Dr Mahathir yang masih bercuti, singgah di sini hari ini selepas lawatan peribadi ke Perancis dan bertemu Presiden Jacques Chirac serta ke Greece.

Dr Mahathir berkata semasa bertemu Chirac, mereka membincangkan mengenai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan situasi di Iraq.

-- BERNAMA

WAH SHI LAT